
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

VLT 118 – Teater Asia

Masa : 3 jam

Arahan:

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi ENAM [6] soalan dan TIGA [3] muka surat yang bercetak.
 2. Jawab EMPAT [4] soalan sahaja.
 3. Setiap soalan bernilai 100 markah.
-

1. Pengaruh penjajahan Barat telah memberi kesan kepada persembahan teater tradisional di kebanyakan negara di Asia. Huraikan kenyataan tersebut berdasarkan kepada contoh-contoh yang telah dibincangkan.
[100 markah]

2. Huraikan dua [2] daripada lima [5] jenis teater-teater tersebut:
 - a] Wayang Yong
 - b] Yokthe Pwe
 - c] Zarzuela
 - d] Kabuki
 - e] Nang Talung

[100 markah]

3. Teater Boneka merupakan antara teater tradisional yang tertua di Asia. Bincangkan Nang Sbek di Kemboja **ATAU** Wayang Purwa di Indonesia dari sudut struktur persembahan dan bentuk-bentuk patung.
[100 markah]

4. Salah satu aspek persembahan Opera China yang amat kaya dengan unsur-unsur simbol ialah seni 'tata rias muka'. Ianya bukan sahaja menambahkan nilai estetik di dalam persembahan tersebut, malah turut menyerlahkan sifat perlakuan dan ciri-ciri semulajadi watak. Jelaskan kenyataan tersebut.
[100 markah]

5. Improvisasi merupakan salah satu elemen yang penting di dalam teater Makyung, Wayang Kulit dan Bangsawan. Namun perlakuan improvisasi tersebut mempunyai kerangkanya yang tersendiri. Pilih SALAH SATU jenis-jenis teater tersebut dan huraikan kerangka-kerangka yang terdapat di dalam perlakuan improvisasi tersebut
[100 markah]